

Provos Tan Eng Chye dilantik presiden ke-23 NUS mulai Jan depan

PROVOS Universiti Nasional Singapura (NUS) Tan Eng Chye, yang mengetuai pelaksanaan beberapa usaha termasuk program kolej kediaman University Town, dinamakan presiden ke-23 universiti itu semalam.

Ahli matematik yang merupakan siswazah NUS itu sudah menyandang jawatan provos selama 10 tahun dan akan menggantikan presiden universiti sekarang, Profesor Tan Chorh Chuan, pada 1 Januari tahun depan.

NUS berkata Profesor Tan Eng Chye, 55 tahun, yang memegang ijazah kedoktoran dan sarjana sains matematik daripada Universiti Yale, diiktiraf secara meluas atas peranan pentingnya merubah NUS

menjadi universiti bertaraf dunia. Beliau juga bertanggungjawab atas program perintis pendidikan dan akademik universiti.

Sebagai Timbalan Presiden (Hal Ehwal Akademik) dan provos sejak Mac 2007, beliau mengetuai pelaksanaan pelbagai usaha – antaranya Program Kolej Kediaman University Town, menggalak pembelajaran yang dipertingkat teknologi; dan program menyeluruh mempersiapkan mahasiswa NUS memasuki dunia kerjaya.

Profesor Tan Eng Chye sudah bersama NUS selama 32 tahun dan dikatakan sebagai pendukung kuat pendidikan global.

Di bawah kepimpinannya, kadar pelajar NUS yang mempunyai pengalaman pendidikan luar negara meningkat kepada lebih 80 peratus. Beliau juga menekankan

peri pentingnya pendidikan luas yang menggalak penerokaan, rasa ingin tahu dan pemikiran kritikal.

Mengulas, Profesor Tan Eng Chye berbesar hati diberikan kedudukan tertinggi itu dan memuji presiden sekarang kerana mengesahkan kedudukan NUS sebagai universiti global terkemuka yang berusaha menyumbang kepada Singapura, dan masyarakat lebih luas.

Profesor Tan Chorh Chuan, yang menjadi presiden NUS sejak 2008, akan berkhidmat di Kementerian Kesihatan pada penghujung tahun ini. NUS juga mengumumkan pelantikan Profesor Ho Teck Hua, 56 tahun, sebagai timbalan presiden kanan dan provos baru mulai tahun depan.



PROFESOR TAN ENG CHYE: Bakal presiden ke-23 NUS sudah berkhidmat di universiti terkemuka itu selama 32 tahun.